

Sukan berkuda rekreatif baru remaja

Sukan ini dapat membantu membentuk disiplin di kalangan penunggang kuda



Oleh HAMIMAH HAMID
youtusan@gmail.com

SUKAN berkuda biasanya dianggap sukan yang mahal dan hanya sesuai untuk golongan elit.

Sangkaan tersebut sebenarnya salah. Kini dengan bayaran hanya RM300, peminat sukan tersebut boleh ‘berkawan mesra’ dengan kuda.

Apa yang perlu dilakukan mudah sahaja. Daftarkan diri di Unit Ekuin, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan anda boleh mengikuti kelas menunggang kuda.

Terdapat 11 ekor kuda ditempatkan di Unit Ekuin tersebut yang sesuai untuk tunggangan. Selain itu, ada 20 ekor kuda padi atau *pony* yang dilepaskan meragut di paddock pastura berdekatan.

Menurut Penolong Pegawai Veterinar unit tersebut, Norazizan Che Mud, unit yang dibangunkan pada Mac 1997 bertujuan memberi latihan amali kepada pelajar UPM khususnya pelajar jurusan Veterinar dan Sains haiwan dalam pengurusan dan penyelidikan kuda.

Selain itu katanya, unit tersebut juga menjadi pusat riadah bagi individu atau kumpulan yang berminat untuk aktiviti menunggang kuda.

“Kelas menunggang kuda ini diadakan setiap hari kecuali pada hari Isnin. Setakat ini kami mempunyai lebih 100 orang pelajar yang mengikuti kelas latihan.

“Dengan bayaran RM100 untuk pelajar UPM, RM200 untuk kakitangan serta alumni UPM dan RM300 untuk orang awam, mereka yang mendaftarkan diri boleh mengikuti 10 sesi latihan selama 45 minit untuk setiap sesi,” katanya.

Selain kelas menunggang kuda, pelajar juga akan diajar cara untuk mandikan haiwan tersebut selain berpeluang memberinya makan.

Apa yang pasti, bertentang mata dengan kuda-kuda lasak bernama Hobo, Jade dan Attention pasti membuat anda terpukau dan ingin mengikuti kelas ini.

Menurut tenaga pengajar unit tersebut, Roasmawi Rosdi, 26, sukan berkuda melatih disiplin seseorang.

Kuda katanya adalah haiwan yang sangat sensitif dan pandai membuli, jadi jika seseorang itu tidak sabar ia akan menjadi sukar.

“Ramai yang tidak tahu yang kuda sebenarnya boleh mengesah seseorang itu pernah atau tidak menunggang kuda.

“Jadi, biasanya ia akan membuli pelajar baru dan tidak mahu bergerak. Tetapi jika pelajar itu tahu memujuk, keduanya boleh menjadi teman yang amat rapat,” katanya.

Maklumat lanjut mengenai kelas tunggangan kuda boleh melayari laman web <http://www.upm.edu.my>



LASAK... Walaupun nampak mudah, namun aktiviti menunggang kuda memerlukan kepakaran.

